

Premis jualan barangan tiruan diserbu



ARIFFIN (baju putih) menunjukkan antara barang yang dirampas dalam serbuan di sebuah premis di sebuah pusat perniagaan di Setapak, Kuala Lumpur. FOTO IHSAN KPDNHEP

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

TAWAR barang berjenama tiruan gred 'premium' mengikut kehendak pelanggan.

Itu taktik sindiket penjualan pelbagai jenis barang berjenama tiruan yang beroperasi di sebuah premis di sebuah pusat perniagaan di Setapak, Kuala Lumpur.

Bagaimanapun helah itu terbongkar selepas serbuan dilakukan enam pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur bersama beberapa wakil cap dagang di premis berkenaan kira-kira jam 3 petang, semalam.

Pengarah KPDNHEP Kuala Lumpur Ariffin Samsudin berkata, hasil pemeriksaan terhadap premis itu menemui 280 barangan pelbagai jenis termasuk kasut, dompet, beg, tali pinggang, topi, selipar dan jam berjenama tiruan dianggarkan bernilai RM56,000.

"Ketika serbuan dilakukan, kami menahan seorang wanita warga tempatan berusia 21 tahun yang bekerja di premis berkenaan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 102 (1) (c) Akta Cap Dagangan 2019.

"Siasatan awal mendapati premis itu juga menjual barangan tiruan secara dalam talian selain menawarkan khidmat tempahan barang gred 'premium' mengikut kehendak pelanggan," katanya pada sidang media di Stor KPDNHEP Kuala Lumpur, hari ini.

Ariffin berkata, sindiket berkenaan menawarkan harga antara RM100 hingga RM700 bagi barangan berjenama tiruan yang dijual mengikut jenis barang dan jenama.

"Sebelum ini, kami pernah membuat serbuan di premis sama dua kali dengan kali terakhir lokasi itu diserbu pada Disember tahun lalu.

"Sindiket berkenaan masih menjalankan kegiatan itu walaupun baru sahaja diserbu kurang dua bulan lalu kerana mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pengguna," katanya.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak membeli barangan tiruan bagi mengelakkan kegiatan sindiket seumpama itu terus aktif mengaut keuntungan daripada aktiviti berkenaan.

"Bagi mengurangkan kewujudan sindiket seumpama ini, orang ramai sebagai pengguna perlu bijak memainkan peranan dengan hanya membeli barangan asli.

"Pada masa sama, orang ramai juga boleh menyalurkan maklumat kepada pihak KPDNHEP berhubung sebarang kegiatan berkaitan kepenggunaan untuk tindakan lanjut," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 19 Februari 2020 @ 7:04 PM

